

ROSLI Abu Bakar meninjau kesusahan penduduk Kampung Cenderawasih yang tidak mendapat bekalan elektrik di Pekan, Pahang, semalam.



UMP bina generator bantu 196 keluarga

PEKAN 21 Mac – Universiti Malaysia Pahang (UMP) bercadang membina sebuah generator bagi membekalkan elektrik kepada 196 keluarga di Kampung Cenderawasih, Sungai Miang, di sini yang tidak mendapat bekalan sejak empat tahun lalu.

Selain dapat membantu meringankan beban penduduk kampung itu, generator itu juga adalah untuk kemudahan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sinar Mutiara.

Menurut Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Madya Dr. Rosli Abu Bakar, pihaknya terpanggil untuk melakukan kerja amal ini setelah mendengar keluhan Guru Besar SMK Sinar Mutiara, Mahmad Redzuan Zainabidin yang melahirkan keresauan terhadap masa depan pelajar sekolah itu.

“Saya dimaklumkan sebahagian besar pelajar sekolah itu berasal dari kampung ini dan mereka dikatakan sering ketinggalan dalam pelajaran berikutan masalah kemudahan asas seperti elektrik dan juga pengangkutan untuk ke sekolah,” katanya.

Rosli berkata, UMP berasa bertanggungjawab untuk membantu membina generator itu dalam usaha mendorong anak-anak negeri ini agar maju dalam bidang akademik.

“Dalam hal ini, bekalan elektrik penting kerana tanpa kemudahan asas itu kehidupan seharian masyarakat sudah pasti akan terganggu,” ujarinya.

Sehubungan itu, beliau berharap, UMP dapat melakukan sesuatu untuk penduduk kampung berkenaan bagi membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Utusan Malaysia
Khamis 22/3/2007